

Hamidah juara *Da'i Milenia Musim Ke-3*

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Anak kelahiran Kedah, Hamidah atau nama sebenarnya Hamidah Abdul Razak muncul juara mengalahkan dua lagi peserta lain dalam pertandingan akhir *Da'i Milenia Musim Ketiga* yang berlangsung di Sri Pentas Dua, Plaza Alam Sentral, Shah Alam malam ini.

Hamidah, 23, berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM50,000 berserta trofi, pakej umrah dan saham PNB selepas mengutip markah keseluruhan sebanyak 85.9 peratus.

Berkongsi perasaannya, Hamidah yang memiliki Ijazah Sarjana Pengajian Akidah dan Agama dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melahirkan kesyukuran dengan kemenangan tersebut.

"Alhamdulillah Allah pilih saya sehingga ke peringkat ini.

"Saya tidak fikir soal persaingan dua peserta lain di atas pentas memandangkan tekanan datang dari saya sendiri," katanya dalam sidang akhbar seurus program tersebut berakhir.

Dua peserta lain yang berentap dalam pertandingan akhir program realiti keagamaan popular TV3 itu ialah Da'i Fuad dan Da'i Idayu.



PENDAKWAH terkenal, Datuk Mohamad Kazim Elias menyampaikan hadiah kepada Da'i Hamidah Abdul Razak yang muncul juara pertandingan akhir *Da'i Milenia Musim Ketiga* di Sri Pentas Dua, Shah Alam, malam tadi. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Program *Da'i* bermula sejak 23 Ogos lalu itu menyaksikan 10 peserta iaitu lima perempuan dan lima lelaki berentap sesama mereka.

Pentas akhir malam ini turut dihadiri Erra Fazira, Memey Suhaiza

dan beberapa artis lain selaku juri awam manakala juri tetap program tersebut pula yang mewakili 70 peratus undian ialah Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Ustaz Syarhan Safie.